



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/11/22\_89 (HQ)

### TNB BUAT PERSIAPAN MENYELURUH HADAPI MUSIM TENGGUJUH

- Perkakas kritikal keperluan operasi banjir ditempatkan di lokasi strategik
- Mengurangkan paras air empangan untuk menampung hujan lebat
- Ulangi nasihat untuk mengutamakan aspek keselamatan

Semua perkhidmatan teknikal **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** sudah membuat persiapan menyeluruh menghadapi musim tengkujuh, termasuk membuat penambahbaikan kepada beberapa infrastruktur kritikal miliknya yang terletak di kawasan berpotensi ditenggelami air banjir, kata Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagiannya (Chief Distribution Network Officer), Wan Nazmy Wan Mahmood.

Pada masa yang sama, kesemua empangan hidroelektrik TNB juga telah dipastikan berada dalam keadaan baik untuk terus berfungsi sebagai tebatan banjir, antaranya dengan mengurangkan paras air empangan secara berperingkat mulai Julai lalu.

Jelasnya, TNB telah memasang tembok penahan sistem perparitan di Pencawang Masuk Utama (PMU) dan meninggikan aras platform peralatannya, manakala set-set janakuasa bergerak serta janakuasa mudah alih dan perkakas kritikal seperti bot, telefon satelit dan lampu limpah ditempatkan di lokasi-lokasi strategik.

“Langkah-langkah lain adalah mengubah lokasi dan meningkatkan ketinggian menara penghantaran untuk memastikan tiada risiko menara tumbang.”

Sebaik keadaan berjaga-jaga diperlukan, bilik gerakan TNB di negeri yang terbabat banjir akan diaktifkan untuk memantau keadaan dan menyalurkan maklumat terkini bekalan elektrik.

“Sekali lagi kami ingin menasihatkan orang ramai supaya mengutamakan aspek keselamatan, sentiasa berwaspada serta mematuhi arahan pihak berkuasa sekiranya premis mereka dinaiki air. Jika ada pencawang elektrik ditenggelami air dan operasinya terpaksa dihentikan, penyambungan semula hanya akan dibuat TNB selepas keadaan selamat,” katanya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 November 2022, jam 12:00 tengah hari**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood mendengar penerangan dari Sanusi Abu Bakar, Jurutera Kanan mengenai persiapan TNB memastikan bekalan elektrik stabil dan berdaya harap sepanjang musim tengkujuh di negeri Pahang.



Tenaga Nasional Berhad (TNB) meninggikan aras platform pencawang elektrik miliknya yang terletak di kawasan berpotensi ditenggelami air banjir, sebagai persiapan untuk menghadapi musim tengkujuh.